



جامعة حلال الحلال  
جامعة إسلامية مهنية

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN  
Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**JHEAINS**

No. Tel: 06-766 4100  
No. Faks: 06-766 4201 / 4133  
Laman Web: <http://www.jheains.ns.gov.my>

Ruj. Kami : JHEAINS.196(09)BPMS.668/11 Jld.21(39)  
Tarikh : 10 Februari 2025

## EDARAN SEGERA

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid

Pengerusi Jawatankuasa Surau

Seluruh Daerah

**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Assalamualaikum dan salam hormat.

YBhg. Dato'/Tuan,

### **ARAHAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PEMBAIKAN, BINA BARU BAGI MASJID DAN SURAU DI NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) meminta agar semua masjid dan surau mengambil perhatian serta tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Setiap permohonan berkaitan penyelenggaraan, pembaikan, bina baru bagi masjid dan surau hendaklah dikemukakan terus ke JHEAINS Daerah;
- ii. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah mendapat pengesahan daripada Pegawai Agama Islam Daerah terlebih dahulu sebelum proses seterusnya dilakukan;
- iii. Pihak Masjid dan Surau boleh menghubungi atau merujuk Unit Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAINS Daerah masing-masing bagi sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Dato'/Tuan untuk mematuhi sepenuhnya arahan ini selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 ;



Ruj. Kami : JHEAINS.196(09)BPMS.668/11 Jld 21 (31)  
Tarikh : 10 Februari 2025


- Seksyen 97 (1)** *Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan atau menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bangunan bagi maksud-maksud yang hanya boleh dijalankan di atau oleh masjid;*
- (2)** *Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan*
- Seksyen 99 (3)** *Tiada perubahan yang material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.*

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

  
( MOHD ASRI BIN ABDULLAH )  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Darul Khusus

Ruj. Kami : JHEAINS.196(09)BPMS. 668/11Jld.21 (39)  
Tarikh : 10 Februari 2025

s.k.:

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS

} Untuk perhatian pihak Tuan jua  
Terima Kasih

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Kuala Pilah

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Tampin

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Seremban

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Rembau

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Port Dickson

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Jempol

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Jelebu

Fail Timbul